

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,  
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,  
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	SAMPAH 'ORANG LUAR' PUNCA MEDAN SELERA MEMBUSUK !
	SUMBER	HARIAN METRO (9 MAC 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	13 (LOKAL)

# Sampah 'orang luar' punca medan selera membusuk!

*Peniaga Medan Selera MPKS harap masyarakat tak 'kacau' kemudahan khas untuk peniaga*

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin  
am@hmetro.com.my

**Kuala Selangor**

Tindakan pihak tidak bertanggungjawab yang menjadikan tong sampah bersebelahan Medan Selera Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) Jalan Stadium di sini sebagai lokasi pembuangan sampah mereka mengundang perasaan kurang senang selain menyebabkan keadaan tidak teratur. Perkara itu diburukkan lagi apabila kawasan sekitar terbabit menjadi kotor dengan pelbagai jenis sampah sehingga berselerak akibat diselongkar anjing liar.

Seorang peniaga, Samsularif Mansor, 37, berkata, tong sampah yang disediakan MPKS khusus untuk peniaga di kawasan medan selera itu dan bukannya



KEADAAN tong sampah bersebelahan Medan Selera MPKS yang sepatutnya khas untuk peniaga namun menjadi sasaran orang luar untuk membuang sampah-sarap mereka.

untuk pihak luar.

"Apa yang saya perasan, trend ini berlaku sejak dua hingga tiga tahun lalu dan lebih buruk apabila menjelang Ramadan yang mana sampah basah dan sisa makanan turut dibuang ke sini.

"Kami pernah tegur orang luar yang membuang sampah mereka namun dibalas dengan muka masam. Ini kerana sampah mereka diletak di luar dan bukannya di dalam tong. "Ia sekali gus menarik ke-

hadiran anjing liar datang dan menyebabkan pemandangan kawasan terjejas dengan keadaan yang kotor serta berselerak," katanya ketika ditemui Harian Metro. Samsularif yang berniaga di medan selera itu sejak

17 tahun lalu berkata, pihak berwajib tidak pernah culas dalam soal kutipan sampah.

"Harapan saya MPKS gantikan saiz tong sedia ada kepada yang lebih besar supaya dapat menampung

sampah ini. Pada masa sama, orang luar diingatkan supaya tidak sewenang-wenangnya membuang sampah mereka di sini kerana tempat ini khas untuk peniaga," katanya.

Sementara itu, seorang pengunjung, Mohd Razak Mohd Ismail, 40, berkata, sampah yang diletakkan di luar tong sememangnya menjejaskan pemandangan kawasan medan selera.

"Setahu saya, tong sampah itu khusus untuk peniaga medan selera dan kenapa orang luar sesuka hati membuang sampah mereka di situ?"

"Bila kapasiti sampah terlalu banyak, ia akan mengundang anjing untuk menyelongkar dan bau tidak menyenangkan pasti akan dihidu peniaga serta pengunjung," katanya.

Mohd Razak berkata, isu itu jelas adalah satu gangguan kepada peniaga.

2.	TAJUK	JAS KEDAH TAHAN OPERASI 6 MESIN PROSES SISA PLASTIK
	SUMBER	BH (11 MAC 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	19 (NASIONAL)

# JAS Kedah tahan operasi 6 mesin proses sisa plastik

Ops Gempur serbu premis di kawasan Perindustrian Bukit Selambau

Oleh Zuliaty Zulkiffli  
bhnews@bh.com.my

**Sungai Petani:** Enam mesin memproses sisa plastik dikenakan perintah henti operasi oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah selepas didapati berpotensi mencemarkan alam sekitar dalam Ops Gempur terhadap sebuah premis di kawasan Perindustrian Bukit Selambau di sini.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab, berkata pihaknya melaksanakan Ops Gempur terhadap premis terbabit bagi membanteras aktiviti pemprosesan sisa plastik yang melanggar Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Beliau berkata, operasi bermula jam 9 pagi hingga 3 petang itu dijalankan hasil pemantauan berterusan oleh penguat kuasa JAS Kedah terhadap aktiviti industri yang berpotensi mencemarkan alam sekitar.

"Hasil pemeriksaan mendapati premis terbabit menjalankan aktiviti pembersihan dan penyempitan sisa plastik yang diproses bagi menghasilkan pelet plastik.

"JAS Kedah mengenakan tindakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) di bawah Seksyen



Pegawai JAS Kedah melakukan pemeriksaan di kilang memproses sisa plastik di kawasan Perindustrian Bukit Selambau, Sungai Petani, semalam. (Foto ihsan JAS)

38 (1)(a), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ke atas enam unit mesin penyempit plastik serta sistem kawalan pencemaran udara yang dipercayai digunakan dalam proses pengeluaran di premis berkenaan dan tanpa kebenaran JAS," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Sharifah Zakiah berkata, siasatan lanjut turut menemukan sejumlah besar bahan mentah dan produk siap di premis terbabit.

Beliau berkata, antara yang ditemui ialah 1,000 beg jumbo atau kira-kira 500 tan sisa plastik yang dipercayai digunakan sebagai bahan mentah dalam proses pembuatan.

"Selain itu, penguat kuasa turut menemui lebih kurang 110 tan produk siap, iaitu pelet plastik dipek di dalam 4,400 guni, dengan

setiap guni dianggarkan seberat 25 kilogram.

"JAS Kedah sudah mengambil sampel sisa plastik serta produk pelet plastik dari premis berkenaan dan sampel terbabit dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk menjalani analisis makmal," katanya.

Sharifah Zakiah berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 34A (6), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, iaitu menjalankan aktiviti kitar semula sisa pepejal tanpa Kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA).

#### JAS Kedah pergiat operasi

Selain itu, kes turut disiasat mengikut Kesalahan di bawah Seksyen 34A(6), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)

dan boleh dihukum di bawah Seksyen 34(8) Akta yang sama yang memperuntukkan denda minimum tidak kurang daripada RM100,000 dan denda maksimum tidak melebihi RM1 juta serta penjara mandatori tidak melebihi daripada lima tahun.

"JAS Kedah akan terus mempergiat operasi penguatkuasaan bagi memastikan pematuhan industri terhadap undang-undang alam sekitar serta tidak memberi kesan negatif kepada kesihatan awam dan alam sekitar.

"JAS Kedah menyeru kepada orang awam untuk menyalurkan sebarang maklumat dan bekerjasama untuk melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol, 1-800-88-2727 dan <http://eaduan.doe.gov.my>," katanya.

3.	TAJUK	BAU 'MISTERI' TERUS GANGGU PENDUDUK
	SUMBER	BH (12 MAC 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	21 (NASIONAL)

**BH** Khamis, 12 Mac 2026

# Bau 'misteri' terus ganggu penduduk

**Penghuni kawasan perumahan dakwa hidu seperti bahan kimia**

Oleh **Mary Victoria Dass**  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Johor Bahru:** Selepas kira-kira dua bulan diancam bau hangit, penduduk di beberapa pendudukan di kawasan perumahan di bandar raya ini mendakwa mereka menghidu bau seakan bahan kimia, sejak semalam.

Seorang penduduk, Jocelyn Teo, 40, berkata bau seperti bahan kimia itu dikesan sejak jam 8 pagi di kawasan Tampoi Indah di sini.

Katanya, semakin lama bau-nya semakin kuat dan ini menjejaskan keselesaan penduduk dan dikhuatiri boleh menjejaskan kesihatan ramai terutama

kanak-kanak dan warga emas.

"Pada kali ini, bau berkenaan adalah seperti bau kimia dan ia menusuk hidung walaupun rumah kami dipasang dua penapis udara.

"Saya difahamkan kawasan perumahan bersebelahan juga turut menghidu bau yang sama sejak pagi tadi dan kami tidak mengetahui puncanya," katanya.

Menerusi perkongsian penduduk di media sosial, bau 'misteri' itu turut dikesan di kawasan perumahan di Tampoi, Perling, Skudai, Taman Munsyi Ibrahim dan Gelang Patah.

## Jalankan siasatan

Sementara itu, Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor, Dr Mohd Famey Yusoff berkata pihaknya mengesahkan menerima aduan berkaitan.

Beliau berkata, aduan diterima daripada kawasan berbeza termasuk Taman Setia Tropika, Uda Utama, Mutiara Rini, Johor

Bahru dan beberapa lokasi lain.

"Pegawai kami sedang menjalankan siasatan terhadap aduan di terima dan kini sudah berada di lapangan," katanya ketika dihubungi.

Pada 3 Januari lalu, dilaporkan JAS menjalankan usaha bagi mengenal pasti punca pencemaran bau di beberapa kawasan perumahan di bandar raya ini.

Disember tahun lalu, JAS memaklumkan jabatan itu menumpu operasi pengesanan punca bau hangit membabitkan kawasan sekitar Jalan Kempas Lama, Taman Impian Emas, Kempas Utama, Kempas Indah, Bandar Setia Tropika, Bandar Dato' Onn, serta Jalan Perjiranan.

Orang ramai yang mempunyai maklumat tambahan atau melihat aktiviti mencurigakan yang boleh membantu siasatan ini diminta untuk menyalurkannya secara rasmi melalui saluran Talian Bebas Tol di 1-800-88-2727.



Dr Mohd Famey Yusoff

3.	TAJUK	SUNGAI GOLOK KIAN CETEK, HANYA 20M KE THAILAND
	SUMBER	BH (13 MAC 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	16 (NASIONAL)

# Sungai Golok kian cetek, hanya 20m ke Thailand

Cuaca panas berpanjangan kebelakangan ini punca paras air menurun

**Pasir Mas:** Sungai Golok yang memisahkan Malaysia dan Thailand di Rantau Panjang kini hanya kira-kira 20 meter dari tebing ke seberang berikutan paras air semakin cetek akibat cuaca panas berpanjangan sejak kebelakangan ini.

Walaupun keadaan itu menjadikan jarak ke Thailand kelihatan lebih dekat berbanding kebiasaan, penduduk tempatan tetap mematuhi arahan pihak berkuasa supaya tidak menyeberangi sungai berkenaan.

Wakil penduduk Rantau Panjang, Fadli Mat Yusof, 55, berkata paras air Sungai Golok mula menunjukkan penurunan ketara sejak bulan lepas apabila kawasan itu dilanda cuaca panas melampau dengan suhu mencecah sehingga 38 darjah Celsius.

Keadaan itu menyebabkan beberapa bahagian sungai hampir kering berikutan kurang taburan hujan sepanjang tempoh berkenaan.

"Bulan lalu memang panas te-



Fadli (kanan) bersama Amran melihat paras air Sungai Golok yang semakin surut, semalam. (Foto BERNAMA)

rik, hujan hampir tiada dan air sungai kelihatan kering. Dalam satu dua hari kebelakangan ini ada juga hujan, tetapi hanya sekejap-sekejap," katanya kepada BERNAMA, baru-baru ini.

**Sempadan dipagar**

Katanya, hujan sejak beberapa hari lalu sedikit sebanyak membantu meningkatkan paras air sungai, namun keadaannya masih cetek berbanding kebiasaan.

Fadli berkata, sebelum ini paras air Sungai Golok lazimnya hampir mencecah tebing sungai, namun kini kelihatan jelas su-

rut berikutan cuaca panas berterusan.

Beliau berkata, kawasan di tepi Sungai Golok yang dahulunya agak sibuk dengan pergerakan penduduk kini semakin lengang selepas laluan di sempadan dipagar oleh pihak berkuasa bagi mengekang aktiviti menyeberangi sungai secara tidak sah.

"Dulu kawasan ini agak sibuk, tetapi sekarang sudah sunyi selepas sempadan dipagar. Pos lain sudah dipasang pagar dan Pos Ibrahim Pencen juga akan dipagar nanti," katanya.

Pemasangan pagar di bebera-

pa lokasi di sepanjang sempadan itu menyebabkan pergerakan menyeberangi sungai tidak lagi berlaku seperti sebelum ini.

Katanya, Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut melakukan pemantauan secara berkala, termasuk rondaan menggunakan motosikal dan dron bagi memastikan tiada aktiviti menyeberangi sungai secara tidak sah.

Sementara itu, seorang penernak haiwan, Amran Awang, 46, berkata perubahan paras air Sungai Golok adalah perkara biasa yang berlaku di kawasan berkenaan. BERNAMA

4.	TAJUK	JAS BELUM TEMUI PUNCA PENCEMARAN BAU, PERLU KERJASAMA ORANG RAMAI
	SUMBER	HARIAN METRO (13 MAC 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	10 (LOKAL)

## JAS belum temui punca pencemaran bau, perlu kerjasama orang ramai

**Johor Bahru:** Jabatan Alam Sekitar (JAS) masih meneruskan pemantauan dan rondaan berterusan bagi mengenal pasti punca pencemaran bau di beberapa kawasan perumahan sekitar bandar raya ini sejak kelmarin.

Pengarah JAS negeri Johor, Dr Mohd Famey Yusoff berkata, siasatan dijalankan sehingga kini tidak menemui sebarang punca bau yang mencurigakan.

Beliau berkata, pemantauan dan rondaan masih diteruskan bagi mencari punca sejak pengaduan diterima kelmarin.

"Memandangkan kes ini hampir sama dengan kes sebelum ini iaitu membatikan kawasan yang luas,

orang ramai diminta untuk melakukan rondaan di sekitar kawasan masing-masing bagi mengenalpasti punca.

"Tindakan tegas seharusnya diambil bagi menghentikan permasalahan ini dengan segera. Oleh itu kami memerlukan kerjasama ramai. Mereka juga boleh menyalurkan maklumat kepada JAS," katanya.

Beliau berkata, penyiasatan aduan dilakukan di kawasan sekitar Sekolah Kebangsaan (SK) Perling dan kawasan kampung serta perumahan berdekatan.

Menurutnya, tiada sebarang kehadiran bau yang abnormal dikesan.

4.	TAJUK	KESALAHAN BUANG SAMPAH KECIL DI TEMPAT AWAM : BUANG PUNTUNG ROKOK PALING RAMAI
	SUMBER	HARIAN METRO (13 MAC 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	10 (LOKAL)

## KESALAHAN BUANG SAMPAH KECIL DI TEMPAT AWAM

### *Buang puntung rokok paling ramai*

**Kuala Lumpur:** Hampir 90 peratus individu yang ditahan kerana kesalahan membuang sampah kecil di tempat awam didapati membuang puntung rokok.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Khalid Mohamed berkata, trend itu dikesan berdasarkan tangkapan dibuat sejak pelaksanaan tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) bermula 1 Januari lalu.

"Pada peringkat awal, kesalahan membuang sampah kecil biasanya membabitkan tisu atau bekas makanan dan minuman.

"Bagaimanapun, berdasarkan tangkapan kebelakangan ini, hampir 90 peratus kes membabitkan individu yang membuang puntung rokok," katanya kepada media pada pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) siri kedua di Segitiga Bersejarah, Ja-



ANGGOTA SWCorp memantau kerja pembersihan terhadap lima individu pada pelaksanaan PKM siri kedua di Segitiga Bersejarah, Jalan Pudu, Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/AHMAD UKASYAH

lan Pudu di sini, semalam.

Beliau berkata, setakat semalam seramai 1,002 individu dikenal pasti melakukan kesalahan membuang sampah kecil di bawah akta terbabit, selain 189 kes sudah disebut di mahkamah.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 76 kes sudah selesai

dibicarakan," katanya.

Dalam perkembangan sama, Khalid berkata, pelaksanaan siri kedua PKM membabitkan lima pesalah berusia antara 26 hingga 59 tahun dan daripada jumlah itu empat adalah warganegara Malaysia manakala seorang lagi warga India, membabitkan empat lelaki dan seorang wanita.

"Mahkamah memerintahkan mereka menjalani khidmat masyarakat selama empat jam yang perlu diselesaikan dalam tempoh sebulan daripada tarikh hukuman dijatuhkan.

"Tugasan yang dilakukan termasuk menyapu jalan, membersihkan longkang serta mencuci tandas," katanya.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi  
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa ([haslindamustaffa@doe.gov.my](mailto:haslindamustaffa@doe.gov.my))
2. Jamilah Binti Abdullah ([jamilah@doe.gov.my](mailto:jamilah@doe.gov.my))
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan ([zarza@doe.gov.my](mailto:zarza@doe.gov.my))

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas  
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)  
Jabatan Alam Sekitar  
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM Bangi, Selangor**